

01/10/2001

Malaysia tepati takrifan negara Islam

Noorwati Salleh; Mohd Zin Ali; Faiza Zainudin

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia memenuhi takrifan negara Islam seperti yang diperjelaskan ulama terdahulu sehingga sekarang, kata Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata, ulama menjelaskan bahawa sebuah negara itu diiktiraf sebagai negara Islam apabila kuasa politik dan urusan pentadbirannya dikuasai orang Islam dan penduduknya hidup dalam aman damai.

Sehubungan itu katanya, pengisytiharan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah negara Islam bertepatan dengan takrifan itu kerana kerajaan kini turut melaksanakan hukum syarak dan tuntutan Islam bagi menjaga kepentingan agama serta mengurus negara.

"Kerajaan sudah melaksanakan keempat-empat bahagian hukum syarak iaitu ibadat, undang-undang keluarga, muamalat dan jenayah. Bagaimanapun, tidak semua bahagian jenayah seperti hudud dapat kita laksanakan di negara ini.

"Tetapi ini tidak bermakna Malaysia tidak boleh dikenali sebagai negara Islam. Oleh itu, pandangan pihak tertentu kononnya ingin menegakkan negara Islam di negara ini adalah tidak betul," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika di temui di Pekan, Pahang, berkata, Malaysia diiktiraf dunia sebagai sebuah negara Islam dan pengesahannya boleh diperolehi melalui ulama tersohor pada peringkat antarabangsa.

Selama ini, katanya, ulama tersohor itu memang menyanjung negara ini sebagai model Islam yang pada pendapat mereka amat baik sekali.

"Bagaimanapun, ia terpulang kepada parti Pas yang sering berdolak dalik dalam hal itu. Parti pembangkang terbabit masih samar-samar mengenai perbezaan negara Islam ala Pas serta negara Islam tafsiran Umno," katanya.

Najib berkata, Malaysia adalah negara Islam berasaskan kepada ciri-ciri negara Islam yang toleransi, progresif serta mengamalkan prinsip Islam secara syumul dan tidak secara sempit.

"Selain itu, kita menolak fahaman yang bertentangan dengan Islam seperti sikap melampau, kolot, menggunakan kekerasan, keganasan dan sebagainya.

"Kita juga adalah sebuah negara Islam yang berlandaskan kepada gabungan fardu ain dan kifayah untuk membina sebuah tamadun dunia dan akhirat, demi kesejahteraan di akhirat.

"Selain itu, kita tidak menolak ilmu lain, selain ilmu khusus Islam, sebaliknya menggabungkan konsep ilmu sebenarnya iaitu ilmu duniawi dan akhirat," katanya.

Imam Masjid Putrajaya, Tan Sri Abdul Kadir Talib berkata, negara ini bukannya baru menjadi negara Islam, bahkan sudah Islam ketika zaman penjajahan atau pada zaman kesultanan raja Melayu.

"Islam di negara ini bukannya baru. Kita bukannya baru memeluk Islam. Masjid dan pengajian al-Quran tetap wujud di negara ini walaupun pada zaman penjajahan. Ini menunjukkan kita masih sebuah negara Islam.

"Kalau kita sebuah negara sekular, pembinaan masjid dan kegiatan ibadat tidak akan berlaku di negara ini," katanya.

Beliau berkata, penafian pihak tertentu mengenai Malaysia sebuah negara Islam kerana sikap mereka yang sengaja mempersempitkan pandangan mengenai takrifan sebuah negara Islam untuk kepentingan sendiri.

"Saya boleh katakan di sini orang ramai yang ingkar mengenai kenyataan Malaysia sebuah negara Islam adalah berdosa.

"Bagaimana mereka tergamak mengatakan Malaysia sebagai negara bukan

Islam sedangkan perkembangan Islam dan pentadbiran Islamnya begitu hebat di sini berbanding negara Arab lain.

"Jika kita kaji, Malaysia subur dengan nilai Islam seperti adanya kesedaran Islam yang tinggi di kalangan rakyatnya, kerajaan memperkenalkan sistem zakat, undang-undang syariah, adanya universiti Islam, bank Islam dan sebagainya.

"Bahkan negara Arab itu sendiri tidak dapat melaksanakan hukum Islam dari A hingga Z. Sebagai contoh, tiada negara Islam di dunia ini yang dapat melaksanakan hukum hudud kerana banyak syarat dan kehendak yang perlu dipenuhi untuk melaksanakannya," katanya.

(END)